

## **BAB EMPAT: CADANGAN PEMBIAYAAN PERIBADI BERASASKAN AKAD COMMODITY MURABAHAH DI AMISLAMIC BANK BERHAD**

### **4.1 Pengenalan**

Terdapat kontroversi dalam melaksanakan produk pembiayaan peribadi yang berasaskan *bay' al-'inah*, walaupun cara dan operasi yang dilakukan oleh pihak AmIslamic Bank Berhad bertetapan dengan syarat yang telah ditetapkan oleh penasihat syariah. Seperti yang diketahui umum, isu yang selalu diketengahkan adalah isu hukum *bay' al-'inah*. Oleh yang demikian, penulis telah mencadangkan alternatif lain untuk menggantikan *bay' al-'inah* dalam operasi pembiayaan peribadi di AmIslamic Bank iaitu komoditi murabahah, kerana mereka lebih memerlukan suatu produk yang lebih bertetapan dengan syariah. Komoditi murabahah adalah salah satu instrumen yang baru dilaksanakan di perbankan Malaysia. Ia tidak mempunyai kontroversi dalam pelaksanaannya dan sesuai dengan keadaan semasa. Instrument ini juga telah dilaksanakan secara meluas di timur tengah<sup>1</sup> seperti, di Bahrain, Arab Saudi, Qatar, UAE dan banyak lagi. Ia telah diterima pakai oleh majoriti ulama kontemporari. Operasi komoditi murabahah adalah sama dengan operasi *bay' al-tawarruq*<sup>2</sup>.

*Bay' al-murabahah* tergolong dalam kontrak jual beli amanah<sup>3</sup>, kerana jual beli ini mensyaratkan kepada penjual untuk menyatakan harga asal barangan yang hendak

---

<sup>1</sup>Azman Hasan (2011), "Penggunaan Komoditi Murabahah sebagai Instrumen Pengurusan Kecairan di dalam Institusi Kewangan Islam" (Muzakarah Penasihat Syariah Kewangan Islam Kali ke-6, 3 Oktober 2011), h. 3.

<sup>2</sup>Azman Mohd Noor, Pensyarah Jabatan Fiqh dan Usul Fiqh, IRKHS (Panel Syariah Bank Al-Rajhi Malaysia), Universiti Islam Antarabangsa (UIAM). Temubual pada 3 Oktober 2012.

<sup>3</sup>Burhan al-Din 'Ali b. Abi Bakr Marghinani (t.t), *al-Hidayah fi Shah al-Bidayah*, h. 5. Kaherah: Dar Bulaq, h. 254.

dijual kepada pembeli sebelum menentukan harga jualan<sup>4</sup>. Pembeli dapat mengetahui harga asal barang merupakan salah satu hikmah jual beli murabahah<sup>5</sup>. Kontrak jual beli ini telah digunakan sejak sebelum adanya institusi perbankan lagi<sup>6</sup>.

Pada tahun 2015, pihak bank Negara Malaysia berhad akan menghapuskan produk yang berprinsipkan *bay' al-'inah* dengan mencari alternatif baru. Seperti, *Bay' Bithaman Al-ajil*, *Musharakah Mutanaqisah*, *Komoditi Murabahah*, *Murabahah Lil-Amir bi al-Syira'*, *Mud'arabah Muqayyadah* atau *Tawarruq Ghair Munazzam (Mashru'ah)*<sup>7</sup>. Jika pihak bank berkeras untuk tidak menggantikan *bay' al-'inah* kepada produk lain, ia akan dikenakan denda ke atas bank tersebut<sup>8</sup>. Oleh yang demikian, pihak BNMB akan membuat lawatan untuk memastikan seluruh perbankan Islam menggantikan konsep *bay' al-'inah* kepada konsep lain. Manakala pihak AmIslamic Bank Berhad juga telah bercadang akan menggantikan produk *bay al-'inah kepada* komoditi murabahah<sup>9</sup>.

## 4.2 Murabahah

Murabahah adalah suatu kontrak jual beli antara bank dengan pelanggan, malah, ia bukan daripada kontrak pinjaman<sup>10</sup>. Murabahah adalah suatu transaksi yang sah diaplikasikan selagi ia tidak menyalahi syarat-syarat yang telah ditetapkan<sup>11</sup>. Hakikatnya, hukum pelaksanaan *bay' al-murabahah* tidak pernah diterangkan oleh nabi Muhammad

---

<sup>4</sup>Mohd. Nasir Mohd.Yatim et al. (2007), *The Principle and Practice of Islamic Banking & Finance*, c.2. Malaysia: Prentice Hall, h. 20.

<sup>5</sup>Asyraf Ab Rahman et al. (2010), *Islam dan Ekonomi*. Malaysia: UMT, h. 67.

<sup>6</sup>Ala' Eddin Kharofa (2007), *Transaksi dalam Perundangan Islam*. Hailani Muji Tahir (terj.), Kuala Lumpur: Institut Terjemahan Negara Malaysia Berhad, h. 125.

<sup>7</sup>Wan Rumaizi Wan Husin, pensyarah Fiqh, pensyarah Fiqh dan Usul Fiqh IRKHS, ( Panel Syariah Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad), Universiti Islam Antarabangsa (UIAM). Temubual pada 3 Oktober 2012.

<sup>8</sup>*Ibid*

<sup>9</sup>Syarif Amin, Pegawai Syariah AmIslamic Bank Berhad.Temubual pada 17 Julai 2012.

<sup>10</sup>Abdullah Saeed (1996), *Islamic Banking and Interest*, New York: E.J Brill, h. 78.

<sup>11</sup>Asyraf Ab Rahman et al. (2010), *op.cit.*, h. 68.

S.A.W tentang keharusannya atau tidak<sup>12</sup>. Walau bagaimanapun, terdapat para ulama telah membincangkannya.

#### 4.2.1 Pengertian Murabahah

Murabahah berasal daripada bahasa arab yang bermaksud pertambahan atau keuntungan dalam urusan niaga<sup>13</sup>. Dari segi bahasa murabahah ialah keuntungan, manakala dari segi istilah ialah menjual barangan dengan menyatakan kos asal barangan beserta keuntungan<sup>14</sup>. Murabahah juga diberi maksud sebagai suatu akad menjual barang dengan mengira keuntungan dan modal yang telah diketahui dan dipersetujui<sup>15</sup> oleh kedua- dua belah pihak iaitu penjual dan pembeli<sup>16</sup>. Ada juga ulama mendefinisikan murabahah dengan memindahkan barang kepada orang lain dengan harga yang lebih tinggi<sup>17</sup>.

Murabahah juga telah mensyaratkan dalam penjualan dengan menambah harga untung dan beberapa jumlah tambahan<sup>18</sup> ke dalam harga asal<sup>19</sup>. Manakala menurut antara ilmuan ekonomi Islam iaitu Zaharuddin Abd Rahman, murabahah ialah memaklumkan

---

<sup>12</sup>Joni Tamkin Borhan (1998), "Bay' al-Murabahah in Islamic Commercial Law", *Jurnal Syaiah*, v. 6, 1998, h. 53-58.

<sup>13</sup>Muhammad Ibn Mukarram Ibn Manzur (1954), *Lisan al-'Arab*, j. 4. Kaherah: Dar al-Misriyyah, h. 268.

<sup>14</sup>Sudin Haron (1996), *Prinsip dan Operasi Perbankan Islam*. Kuala Lumpur: Berita Publishing Sdn Bhd, h. 72.

<sup>15</sup>Bank Institute of Research and Training (1998), *Konsep Syariah dalam Sistem Perbankan Islam*. Kuala Lumpur: BIMB Institute of Research and Training Sdn.Bhd., h. 41.

<sup>16</sup>Muhammad Ibn Ahmad al-Dusuqi (t.t), *Hasyiyyah al-Dusuqi 'Ala al-Sharh al-Kabir*, j.3. Misr: Matba'ah 'Isa al-Babi al-Halabi wa Syurakah, h. 159; Abu Muhammad 'Abd Allah Ahmad Ibn Qudamah (1972), *Al-Mughni wa al-Sharh al-Kabir*, j. 4. Beirut: Dar al-Kutub al-'Arabi, h. 159; Ibn Humam (1970), *Sharh Fath al-Qadir*, j. 6. Mesir: Shirkah Maktabah wa Matba'ah al-Babi al-Halabi wa Auladihi, h. 510; Muhammad bin Ahmad al-Sarakhsi (t.t), *al-Mabsut*, j. 19. Beirut: Dar al-Ma'rifah, h. 52.

<sup>17</sup>Shihab al-Din Ahmad b Salamah al-Qalyubi et al. (t.t), *Hashiyah Qalyubi wa 'Umayrah 'ala Sharh al-Muhalla li al-Minhaj*, j.2. Kaherah: Dar al-Ihya' al-Kitab al-'Arabiyyah, h. 220.

<sup>18</sup>Fakhr al-Din 'Uthman b. 'Ali al-Zayla'i (1990), *Tabyin al-Haq'iq Sharh Kanz al-Daq'iq*, j. 4. Kaherah: Dar al-Kitab al-Islami, h. 73.

<sup>19</sup>'Abd al-Sami' al-Misri (1988), *al-Masrif al-Islami 'Ilmiyyan wa 'Amaliyyan*. Kaherah: Maktabah Wahbah, h. 75.

kepada pembeli harga sebenar sesuatu barang kerana harga jualan lebih tinggi daripada harga asal, yang juga dikenali sebagai *mark up sale* atau harga yang dinaikkan<sup>20</sup>. Begitu juga menurut definisi Sobri Salamon. Murabahah ialah transaksi yang memerlukan persetujuan harga antara pembeli dan penjual<sup>21</sup>. Oleh yang demikian, murabahah dapat difahami dengan penjual akan menjual sesuatu barangan kepada pembeli dengan harga yang lebih tinggi daripada harga asal<sup>22</sup>.

Walau bagaimanapun, pengertian murabahah lebih kepada perjanjian antara dua pihak, iaitu pihak pembiaya dan pihak yang memerlukan. Pihak pembiaya akan membeli barangan yang diingini oleh pihak yang memerlukan. Kemudian pihak pembiaya menjual balik barang tersebut kepada pihak yang memerlukan dengan harga asal yang ditambah dengan keuntungan<sup>23</sup>. Tetapi harga jualan tersebut perlulah dipersetujui oleh kedua belah pihak<sup>24</sup>. Maka, kaedah pembayaran pula boleh dibuat sama ada bayaran terus atau pun secara ansuran<sup>25</sup>.

#### **4.2.2 Rukun Bay' al-Murabahah**

Rukun *bay'* al-murabahah adalah sama dengan rukun jual beli yang lain. Ia adalah:

1. Penjual dan pembeli

---

<sup>20</sup>Zaharuddin Abd Rahman (2009), *Murabahah: Teori, Aplikasi & Isu dalam Perbankan Islam Semasa*. Selangor: True Wealth Sdn Bhd, h. 21.

<sup>21</sup>Sobri Salamon (1988), *Perniagaan Menurut Pandangan Islam*. Kuala Lumpur: Al-Rahmaniah, h. 79.

<sup>22</sup>Mustafa Zarqa' (1999), *Al-'Uqud al-Musammah fi al-Fiqh al-Islami: 'Aqd al-Bay'*. Dimashq: Dar al-Qalam, h. 64.

<sup>23</sup>Wizarah al-Awqaf wa al-Syu'un al-Islamiyyah (1992), *al-Mawsu'ah al-Fiqhiyyah*. Kuwait: Zat al-Salasil li al Tiba'ah wa al-Nashr, h. 83.

<sup>24</sup>Al-'Allamah Ahmad b. Muhammad b. Ahmad al-Dardir (1995), *Sharh al-Kabir*, j. 5. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, h. 252.

<sup>25</sup>M.Umer Chapra (1990), *Ke Arah Sistem Kewangan yang Adil*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 174.

2. Barang untuk dijual beli
3. Harga barang
4. Ijab dan Qabul

Semua rukun jual beli telah dibincangkan pada bab yang kedua (2.2.2)

#### **4.2.3 Prinsip Bay' Murabahah**

Prinsip jual beli murabahah ialah risiko akan ditanggung oleh pembiaya selagi hak pemilikan barang tidak berpindah kepada pembeli<sup>26</sup>.

#### **4.2.4 Syarat Bay' al-Murabahah**

Terdapat syarat dalam melaksanakan *bay' al-murabahah* iaitu penjual perlu memberitahu kepada pembeli nilai modal sebenar<sup>27</sup> dan keuntungan<sup>28</sup> yang diambil dengan amanah di dalam majlis akad. Kemudian, kedua-dua belah pihak perlu bersetuju dengan harga yang ditawarkan<sup>29</sup>. Sehubungan itu, akad akan rosak dan terbatal, jika terdapatnya penyelewengan<sup>30</sup> seperti penipuan atau pemalsuan<sup>31</sup>. Manakala, barang yang diperdagangkan adalah barang yang sah di sisi hukum syarak dan juga bukan dari barang ribawi<sup>32</sup>. Akad belian pertama bagi barang yang hendak dijual juga perlu sah di sisi

---

<sup>26</sup>Abd al-Hamid Mahmud al-Ba'li (1991), *Al-Istithmar wa al-Raqabat al-Shar'iyyah: fi al-Banuk wa al-Mu'assasat al-Maliyyah al-Islamiyyah: Dirasat Fiqhiyyah wa Qanuniyyah wa Masrafiyyah*. Kaheerah: Bank Faisal al-Islami, h. 106.

<sup>27</sup>Wahbah al-Zuhayli (1997), *op.cit.*, h. 3767.

<sup>28</sup>Abd Allah 'Abd al-Rahim al-'Abadi (1994), *Mawqif al-Syari'ah Min al-Masarif al-Islamiyyah al-Ma'asirah*. Kaheerah: Dar al-Salam li al-Tiba'ah wa al-Nashr wa al-Tawzi', h. 252.

<sup>29</sup>Nor Mohamed Yakcop (1996), *Teori Amalan dan Prospek Sistem Kewangan Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn Bhd., h. 80.

<sup>30</sup>Zaharuddin Ab Rahman (2009), *Panduan Perbankan Islam: Kontrak & Produk Asas*. Kuala Lumpur: Telaga Biru Sdn Bhd., h. 19.

<sup>31</sup>Mustafa Daud (1994), *Perniagaan Menurut Islam*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn Bhd., h. 52.

<sup>32</sup>Ibn Rusyd (t.t), *Bidayah al-Mujtahid Wa Nihayah al-Muqtasid*, j.1. Kaheerah: Dar al-Fikr, h. 161.

syarak<sup>33</sup>. Hal ini kerana sekiranya kontrak pertama tidak sah, maka kontrak kedua juga tidak sah<sup>34</sup>.

#### 4.2.5 Syarat *Bay' al-Murabahah* di sisi Ulama Empat Mazhab

Kesemua empat mazhab telah bersepakat bahawa *bay' al-murabahah* adalah sah untuk diaplikasikan. Tetapi terdapat perbezaan dalam pelaksanaannya. Pertama ialah nilai keuntungan yang diambil oleh pihak pembiaya dan yang kedua ialah hak pengguna untuk menerima atau membatalkan kontrak jika harga jualan yang diminta oleh penjual terlalu tinggi<sup>35</sup>.

Menurut mazhab Hanafi, ia membenarkan untuk mengira kesemua perbelanjaan yang berkaitan untuk mendapatkan barang murabahah tersebut. Oleh yang demikian, ia boleh dikira ke dalam harga untuk jualan. Manakala dari aspek hak pengguna, jika harga barang yang dikenakan oleh penjual terlalu tinggi atau tidak jelas,<sup>36</sup> ia berhak untuk meneruskan kontrak dengan harga yang telah ditetapkan atau membatalkannya dengan memulangkan barang tersebut untuk mendapatkan wangnya kembali. Namun, jika barang tersebut telah tiada di tangan pengguna lagi, maka ia harus diteruskan kontrak tersebut dan tidak boleh membatalkannya<sup>37</sup>.

Mazhab kedua ialah Mazhab ImamMalik. Mazhab ini menjelaskan bahawa jika ada persetujuan antara penjual dan pembeli dalam pengambilan keuntungan, sama ada

---

<sup>33</sup>Mustafa Daud (1994), *op.cit.*, h. 53.

<sup>34</sup>Ala' Eddin Kharofa (2007), *op.cit.*, h. 126.

<sup>35</sup>Sudin Haron (1996), *op.cit.*, h.72.

<sup>36</sup>Ala' al-Din Abi Bakr b. Su'ud al-Kasani (1998), Muhammad 'Adnan b Yasin al-Darwish (ed.), *Bada'i' al-Sana'i' fi Tartib al-Shara'i'*, j. 4. Beirut: Dar al-Ihya' al-Turath al-'Arabi, h. 460.

<sup>37</sup>Sudin Haron (1996), *op.cit.*, h.73.

keuntungan yang sedikit daripada modal atau keuntungan yang diambil lebih banyak daripada modal, ia dikira sah<sup>38</sup>. Mazhab ini juga mengklasifikasikan perbelanjaan kepada tiga jenis. Jenis pertama ialah perbelanjaan yang boleh dicampur dengan modal untuk mengira keuntungan iaitu sesuatu perkara yang menjejaskan barang untuk diniagakan, seperti mewarnakan kain. Ia menjadi asas untuk mengira keuntungan<sup>39</sup>. Jenis kedua pula ialah perbelanjaan yang boleh dicampur dengan modal tetapi tidak boleh dikira dalam keuntungan<sup>40</sup>. Contohnya sesuatu perkara yang tidak menjejaskan kepada barang yang hendak dijual, seperti sewa tempat penyimpanan barang yang hendak dijual<sup>41</sup>. Manakala jenis ketiga ialah perbelanjaan yang tidak boleh dicampur dengan modal untuk dikira keuntungan<sup>42</sup>. Perbelanjaan yang tidak boleh dicampur dengan keuntungan ialah perbelanjaan secara tidak langsung atau perbelanjaan yang tidak didedahkan kepada pembeli seperti komisyen<sup>43</sup>. Manakala dalam aspek kedua, Pengguna juga berhak memulangkan semula bayaran jika harga yang dikenakan terlalu tinggi atau membeli barang tersebut dengan harga yang berpatutan<sup>44</sup>.

Mazhab Shafii pula berpendapat bahawa pembeli diwajibkan untuk membayar harga kos beserta keuntungan yang telah dipersetujui<sup>45</sup>. Tetapi, bayaran penjual kepada pihak ke tiga tidak boleh dikira dalam harga jualan, kecuali terdapat persetujuan antara pembeli<sup>46</sup>. Manakala jika harga jualan yang tinggi dikenakan oleh penjual, maka pembeli mempunyai pilihan untuk membatalkannya dengan memulangkan barang tersebut untuk

---

<sup>38</sup> Malik Ibn Anas (2005), *al-Mudawwanah al-Kubra*, j. 3. Beirut: Dar Sadir, h. 325.

<sup>39</sup> Sudin Haron (1996), *op.cit.*, h.73.

<sup>40</sup> *Ibid.*

<sup>41</sup> Malik Ibn Anas (2005), *op.cit.*, h.325.

<sup>42</sup> Sudin Haron (1996), *op.cit.*, h.73.

<sup>43</sup> Sobri Salamon (1988), *op.cit.*, h. 80.

<sup>44</sup> Sudin Haron (1996), *op.cit.*, h.73.

<sup>45</sup> Al-Syafi'i (1968), *al-Umm*, j. 2. Misr: Kitab al-Sya'ab, h. 200.

<sup>46</sup> Sudin Haron (1996), *op.cit.*, h.73.

mendapatkan wangnya kembali atau menyimpan sahaja barang tersebut dan menuntut kembali jumlah bayaran yang didahulukan<sup>47</sup>.

Manakala, mazhab Hanbali berpandapat bahawa nilai untuk semua perbelanjaan untuk mendapatkan barang boleh dicaj dalam harga jualan, namun jumlah perbelanjaan tersebut perlu diberitahu kepada pelanggan<sup>48</sup>.

#### 4.2.6 Dalil Keharusan Murabahah

##### Dalil Al-Quran

Terdapat dalil yang menyatakan bahawa murabahah adalah diharuskan. Antaranya adalah dalil-dalil berikut:

وَابْتَغُوا مِنْ فَضْلِ اللَّهِ

*“Dan carilah apa yang kamu hajati dari limpah kurnia Allah”*

Surah al-Juma‘ah (62): 10

Ayat ini menunjukkan bahawa Allah mengizinkan hambanya untuk mencari rezeki (jual beli) selepas menunaikan solat jumaat<sup>49</sup>.

لَيْسَ عَلَيْكُمْ جُنَاحٌ أَنْ تَبْتَغُوا فَضْلًا مِنْ رَبِّكُمْ

---

<sup>47</sup> *Ibid.*

<sup>48</sup> *Ibid.*

<sup>49</sup> Abi al-Fida' Isma'il Ibn 'Umar Ibn Kathir al-Qarshiy al-Damashqi (2004), *Tafsir al-Qur'an al-'Azim al-Ma'ruf bi al-Tafsir Ibn Kathir*, j.4, c.6. Riyad: Dar al-Salam, h. 2848.



*“Tidaklah menjadi salah, kamu mencari limpah kurnia dari Tuhan kamu”*

Surah al-Baqarah (2): 198

Ayat di atas menunjukkan bahawa Allah SWT tidak melarang hambanya untuk mencari rezeki (jual beli) dalam musim haji<sup>50</sup>.

Oleh yang demikian, dapat disimpulkan bahawasanya mencari rezeki yang lebih di dalam jualan telah dinaskan oleh Allah S.W.T. Oleh itu, salah satu kaedah yang dapat digunakan untuk mendapatkan keuntungan adalah dengan cara menjual sesuatu barang lebih mahal daripada harga asal ialah murabahah atau musawwamah.<sup>51</sup>

وَأَحَلَّ اللَّهُ الْبَيْعَ وَحَرَّمَ الرِّبَا

*“Padahal Allah telah menghalalkan berjual-beli (berniaga) dan mengharamkan riba”*

Surah al-Baqarah(2):275

Berdasarkan ayat ini, jual beli secara murabahah adalah harus. Hal ini kerana tidak terdapat dalam nas tentang keharaman *bay‘ al- murabahah*. Tambahan lagi, Allah menyebut bahawa jual beli adalah halal<sup>52</sup>.

وَإِنْ كَانَ ذُو عُسْرَةٍ فَنَظِرَةٌ إِلَىٰ مَيْسَرَةٍ وَأَنْ تَصَدَّقُوا خَيْرٌ لَّكُمْ إِنْ كُنْتُمْ تَعْلَمُونَ

*“Dan jika orang yang berhutang itu sedang mengalami kesempitan hidup, maka berilah tempoh sehingga ia lapang hidupnya dan (sebaliknya) bahawa kamu sedekahkan hutang itu (kepadanya) adalah lebih baik untuk kamu, kalau kamu mengetahui (pahalanya yang besar yang kamu akan dapati kelak).”*

<sup>50</sup>*Ibid*, j. 1, h. 336.

<sup>51</sup>Zaharuddin Abd Rahman (2009), *op.cit.*, h. 22.

<sup>52</sup>Abu ‘Abd Allah Muhammad b. Idris al-Shafi‘i (1990), *al-Umm*, j. 3. Beirut: Dar al-Fikr, h. 31.

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا لَا تَأْكُلُوا أَمْوَالِكُمْ بَيْنَكُمْ بِالْبَاطِلِ إِلَّا أَنْ تَكُونَ تِجَارَةً عَن تَرَاضٍ مِّنْكُمْ

*“Wahai orang-orang yang beriman, janganlah kamu makan (gunakan) harta-harta kamu sesama kamu dengan jalan yang salah (tipu, judi dan sebagainya), kecuali dengan jalan perniagaan yang dilakukan secara suka sama suka di antara kamu”*

Surah al-Nisa’(4): 29

### Hadis Nabi

Hadis juga ada menyebut tentang keharusan dalam jual beli barangan atau komoditi secara murabahah iaitu menjual dengan harga yang lebih tinggi daripada modal. Pada zaman Rasulullah, ketika baginda membenarkan para sahabat berjual beli di Madinah serta mendapatkan keuntungan. Bahkan baginda juga membenarkan mencipta pelbagai jenis jual beli dengan syarat, tidak melanggar syarat-syarat yang telah ditetapkan seperti riba atau lain-lain unsur yang diharamkan, antaranya hadis di bawah:

عن أبي قلابة عن أبي الأشعث عن عبادة بن الصامت قال: قال رسول الله صلى الله عليه وسلم ( الذهب بالذهب والفضة بالفضة والبر بالبر والشعير بالشعير والتمر بالتمر والملح بالملح مثلاً. مثل سواء بسواء يدا بيد فإذا اختلفت هذه الأصناف فبيعوا كيف شئتم إذا كان يداً بيد ).

*“Apabila berbeza jenis barang (di jual dan yang di beli) iaitu bukan barangan ribawi, maka bolehlah kamu berjual beli*

sebagaimana yang kamu inginkan (dari sudut beza harga atau tunai atau tangguh)<sup>53</sup>”.

Mengikuti pendapat ijma' pula tentang murabahah iaitu Ibn Qudamah menyatakan tidak diketahui ada yang melarang, demikian juga yang ditegaskan oleh Al-Kasani.<sup>54</sup>

عن صهيب رضى الله عنه أن النبي صلى الله عليه وسلم قال: ثلاث فيهن البركة البيع إلى أجل المقارضة وأحلاط البر بالشعير للبيت لا للبيع

“Dari Suhayb r.a bahawa Nabi (SAW) bersabda: tiga golongan yang memperolehi berkat iaitu jual beli secara betangguh, muqaradah dan mencampurkan gandum denganbarli untuk kegunaan di rumah bukan untuk dijual”<sup>55</sup>.

حدثنا يزيد حدثنا المسعودي عن وائل أبي بكر عن عباية بن رفاع بن رافع بن خديج عن جده رافع بن خديج قال قيل يا رسول الله أي الكسب أطيب قال عمل الرجل بيده وكل بيع مبرور

“Riwayat oleh Rafi' bin Khadij berkata: Rasulullah (SAW) ditanya apakah usaha yang paling baik? Sabda Nabi (SAW); pekerjaan seorang itu dengan tangannya (kemahirannya) dan setiap perniagaan yang baik”<sup>56</sup>.

Hadis ini menerangkan bahawa jual beli adalah suatu pekerjaan yang baik, kerana melakukannya sendiri. Ia juga dapat memberi manfaat kepada orang lain.

<sup>53</sup>Muslim Ibn al-Hajjaj al-Qushayri (1994), *Sahih Muslim bi Sharh al-Imam Muhyi al-Din al-Nawawi*, “Kitab al-Musaqah”, bab: al-Sarf wa Bay' al-Dhadhahab bi al-Waraq Naqdan, no. hadith 4039.j.11-12. Beirut: Dar al-Ma'rifah, h. 17.

<sup>54</sup>Zaharuddin Abd Rahman (2009), *op.cit.*, h. 22.

<sup>55</sup>Abu 'Abd Allah bin Muhammad bin Yazid (t.t), *Sunan Ibn Majah*, j.2, no. hadith 2289. Muhammad Fu'ad 'Abd al-Baqi (ed.). Kaherah: Dar Ihya al-Kutub al-'Arabiyyah, h. 768.

<sup>56</sup>Abu 'Abd Allah Ahmad B. Hanbal (1991), *Musnad Imam Ahmad*, no hadith 16628. j. 4. Beirut: Dar al-Fikr, h. 141.

Oleh yang demikian, para ulama bersepakat bahawa *bay' al-murabahah* diharuskan<sup>57</sup> kerana murabahah ialah menjual barang kepada pembeli serta menyatakan harga asal. Ia dikira sebagai suatu transaksi yang adil. Ia juga disyaratkan kepada penjual untuk mengambil keuntungan dari jualan barang tersebut. Oleh yang demikian, jual beli ini adalah harus selagi ia tidak terlibat dengan emas dan perak<sup>58</sup>. Walau bagaimanapun, mazhab Hanbali tidak mengharuskan jual beli ini kerana mereka berpendapat ianya makruh<sup>59</sup>.

### 4.3 Komoditi Murabahah

Komoditi murabahah merupakan salah satu alternatif baru yang diperkenalkan di perbankan Islam di Malaysia, untuk menggantikan instrumen lain. Oleh kerana konsep ini telah diterima pakai oleh seluruh dunia<sup>60</sup>.

Komoditi murabahah ialah pembelian komoditi yang berada dalam pemilikan penjual dengan harga tangguh. Kemudian, jualan berikutnya oleh pembeli kepada pihak lain selain penjual asal, untuk mendapatkan wang tunai<sup>61</sup>.

Komoditi yang mula-mula digunakan dalam transaksi ini adalah besi. Namun demikian, Ableace Raakin<sup>62</sup> menawarkan komoditi minyak kelapa sawit sebagai asas aset dalam produk ini<sup>63</sup>.

---

<sup>57</sup>Wahbah al-Zuhayli (1997), *al-Fiqh al-Islami wa Adillatuh*, j.8. Damshiq: Dar al-Fikr, h. 3766.

<sup>58</sup>Ibn Rushd (1999), *Bidayah al-Mujtahid wa Nihayah al-Muqtasid*, j.2. Kaherah: Maktabah al-Kulliyah al-Azhariyyah, h. 321.

<sup>59</sup>Abu Bakr b. Mas'ud al-Kasani (1998), *Bada'i' al-Sana'i' fi Tartib al-Syara'i'*, j. 7. Beirut: Dar al-Fikr, h. 3192.

<sup>60</sup>Ableaceraakin, [www.ableaceraakin.com/islamicFinance.html](http://www.ableaceraakin.com/islamicFinance.html), 15 November 2012.

<sup>61</sup>Commodity murabahah, [islamic-finance-simple.blogspot.com/2010/05/tawarruqcommodity-murabahah.html](http://islamic-finance-simple.blogspot.com/2010/05/tawarruqcommodity-murabahah.html). 12 November 2012.

### 4.3.1 Definisi Komoditi Murabahah

Komoditi murabahah dapat didefinisikan sebagai suatu kontrak jual beli secara tawarruq<sup>64</sup>. Hal ini berlaku kerana ia melibatkan kepada tiga pihak<sup>65</sup>. Transaksi ini dinamakan murabahah kerana pendedahan harga asal barang kepada pelanggan. Manakala perkataan komoditi pula digunakan kerana transaksi ini melibatkan jual beli komoditi secara murabahah. Namun begitu, pelaksanaan komoditi murabahah yang dilaksanakan sekarang di Malaysia, memerlukan nilai yang besar, sehingga mencecah lebih dari RM100 juta. Ini kerana kosnya amat tinggi<sup>66</sup>. Transaksi jual beli komoditi juga perlulah dipersetujui oleh syariah<sup>67</sup>.

Komoditi murabahah juga dikenali sebagai murabahah tawarruq oleh bank Muamalat<sup>68</sup>. Tawarruq adalah suatu pembiayaan yang telah diterima pakai oleh seluruh dunia<sup>69</sup>. Maksud transaksi ini ialah perjanjian pembelian komoditi atau aset dengan pembayaran tangguh secara murabahah. Sebagai contoh, pelanggan membeli barang dengan pihak bank. Kemudian barang tersebut dijual secara tunai kepada pihak lain iaitu bukan pihak yang terlibat dalam transaksi pertama<sup>70</sup>. Kontrak ini memerlukan tiga pihak

---

<sup>62</sup>Syarikat pertama di Malaysia yang menawarkan minyak kelapa sawit sebagai komoditi asas dalam produk komoditi murabahah. Rujuk: [www.ableaceraakin.com/abtUs.html](http://www.ableaceraakin.com/abtUs.html). 5 November 2012.

<sup>63</sup>Malaysian Business, February 16, 2009 "The First Malaysian Company to Provide Commodity Murabahah Transaction".

<sup>64</sup>Zaharuddin Abd Rahman (2009) *op.cit.*, h. 70.

<sup>65</sup>Norfadelizan Abdul Rahman (2008), "Commodity Murabahah House", (Kertas Persidangan Malaysia Islamic Capital Market Conference di Kuala Lumpur, 18 Jun 2008) h. 1-12.

<sup>66</sup>Zaharuddin Abd Rahman (2009), *op.cit.*, h. 73.

<sup>67</sup>Ableaceraakin, [www.ableaceraakin.com/islamicFinance.html](http://www.ableaceraakin.com/islamicFinance.html), 15 November 2012.

<sup>68</sup>Tawarruq, [www.muamalat.com.my/wholesale-banking/corporate-banking/financing/tawarruq.html](http://www.muamalat.com.my/wholesale-banking/corporate-banking/financing/tawarruq.html), 15 November 2012.

<sup>69</sup>Tawarruq, [www.qfinance.com/financing-best-practice/tawarruq-at-a-glance?full](http://www.qfinance.com/financing-best-practice/tawarruq-at-a-glance?full), 15 November 2012.

<sup>70</sup>Tawarruq, [www.muamalat.com.my/wholesale-banking/corporate-banking/inancing/tawarruq.html](http://www.muamalat.com.my/wholesale-banking/corporate-banking/inancing/tawarruq.html), 15 November 2012.

untuk melaksanakannya. Nantinya, pelanggan akan mendapat kecairan atau tunai dengan segera tanpa melibatkan *interest* atau bunga yang dilarang<sup>71</sup>.

#### 4.3.2 Objektif Komoditi Murabahah

Objektif komoditi murabahah ialah:

- Menjadi produk deposit tunai berdasarkan konsep Islam.
- Menangani saingan daripada sistem kewangan konvensional.
- Membantu pelanggan yang memerlukan,
- Membantu Bank Islam lain dalam urusan kecairan,
- Sebagai instrumen untuk menguruskan kecairan jangka pendek dalam pasaran kewangan Islam antara bank di Malaysia.
- Menjadikan produk pelaburan kepada pelanggan<sup>72</sup>.

Syarat untuk menjalankan transaksi ini ialah, komoditi yang hendak diperdagangkan mestilah wujud semasa akad dilaksanakan, halal dan berhak mendapat milikan kepada penjual. Jual beli juga perlu dilakukan segera<sup>73</sup>.

#### 4.3.3 Proses Komoditi Murabahah

Proses komoditi murabahah melibatkan empat pihak. Pertama, pihak yang mempunyai lebih dana. Kedua, pihak yang memerlukan dana. Ketiga dan keempat ialah pihak yang menjalankan transaksi ini seperti agen atau syarikat<sup>74</sup>.

---

<sup>71</sup>Tawarruq, [www.qfinance.co/dictionary/tawarruq](http://www.qfinance.co/dictionary/tawarruq), 15 November 2012.

<sup>72</sup>Zaharuddin Abd Rahman (2009), *op.cit.*, h. 71.

<sup>73</sup>Ableaceraakin, [www.ableaceraakin.com/islamicFinance.html](http://www.ableaceraakin.com/islamicFinance.html), 15 November 2012.

Contoh proses komoditi murabahah ialah dengan melibatkan pihak bank membeli komoditi atas nama pelanggan. Kemudian pihak bank menjual komoditi tersebut kepada pelanggan dengan harga kos yang ditambah dengan keuntungan<sup>75</sup>.

Contoh gambaran komoditi murabahah oleh pakar ekonomi ialah, apabila seseorang memerlukan wang untuk membeli komoditi secara hutang dan menjual semula kepada pihak lain untuk mendapatkan tunai, tanpa mana-mana pihak menyedari niatnya. Contoh lain ialah seseorang memerlukan pinjaman, kemudian penjual menjual komoditi secara kredit pada harga tunai. Kemudian, pelanggan menjual semula komoditi tersebut pada harga yang sama atau harga yang lebih tinggi daripada harga pasaran<sup>76</sup>.

Sebagai kesimpulannya, mekanisma komoditi murabahah melibatkan pelanggan melantik bank sebagai perantara atau agen untuk membeli komoditi daripada peniaga A secara tunai dalam pasaran komoditi yang diiktiraf. Bank akan menanggung liabiliti pelanggan dalam tempoh matang. Oleh itu, pelanggan akan mendapatkan jumlah tunai pembayaran. Kemudian, bank membeli komoditi tersebut daripada pelanggan secara tangguh pada harga kos yang ditambah dengan keuntungan. Maka, pelanggan akan membayar semula pembiayaan yang diberi oleh pihak bank mengikut tempoh yang telah dipersetujui. Kemudian, bank akan menjual semula komoditi tersebut kepada peniaga B dalam pasaran komoditi dengan harga yang sama dibeli dengan peniaga A.

---


<sup>74</sup>Zaharuddin Abd Rahman (2009), *op.cit.*, h. 71.

<sup>75</sup>Murabahah, [http://www.vic.my/index.php?option=com\\_content&view=article&id=82:definisi-murabahah&catid=37:celik-niaga&Itemid=84](http://www.vic.my/index.php?option=com_content&view=article&id=82:definisi-murabahah&catid=37:celik-niaga&Itemid=84), 25 Oktober 2012.

<sup>76</sup>Commodity murabahah, [islamic-finance-simple.blogspot.com/2010/05/tawarruqcommodity-murabahah.html](http://islamic-finance-simple.blogspot.com/2010/05/tawarruqcommodity-murabahah.html), 15 November 2012.

Gambar rajah dibawah menunjukkan transaksi komoditi murabahah dalam pembiayaan:

Rajah 4.1: Transaksi Komoditi Murabahah



Sumber: Zaharuddin Abd Rahman (2009), *Murabahah Teori, Aplikasi & Isu dalam Perbankan Islam Semasa*. Selangor: Truewealth Publishing, h. 72.

#### 4.3.4 Hukum Komoditi Murabahah

Hukum transaksi jual beli komoditi murabahah diharuskan kerana pembayaran yang dibuat kepada bank dan pelanggan adalah selamat. Hanya sebilangan kecil sahaja yang mempertikaikan keharusannya<sup>77</sup>. Hukum komoditi murabahah adalah sama dengan hukum tawarruq, kerana Majlis Penasihat Shariah (MPS) Bank Negara Malaysia dalam mensyuarat yang ke 51 yang dilaksanakan pada 28 Julai 2005 bersamaan dengan 21 Jamadil Akhir 1426 Hijrah telah memutuskan bahawa produk deposit dan pembiayaan

<sup>77</sup>Zaharuddin Abd Rahman (2009), *op.cit.*, h. 75.



berdasarkan konsep *tawarruq* yang dikenali sebagai *murabahah* komoditi adalah dibenarkan<sup>78</sup>.

Manakala hukum urus niaga mata wang asing yang berasaskan komoditi *murabahah* juga diharuskan, apabila melibatkan perjanjian antara dua pihak. Perjanjian pertama adalah untuk membeli mata wang asing, manakala perjanjian yang kedua adalah untuk membeli komoditi yang berasaskan *murabahah*<sup>79</sup>. Keputusan ini telah diputuskan dalam mesyuarat MPS ke-113 pada 23 Jun 2011<sup>80</sup>.

#### **4.3.5 Pelaksanaan komoditi *murabahah* di perbankan Islam di Malaysia.**

Terdapat banyak perbankan Islam di Malaysia yang melaksanakan instrumen komoditi *murabahah* dalam produk mereka. Oleh yang demikian, untuk menjamin kestabilan kewangan global, kerajaan telah menubuhkan Bursa Suq Al-Sila' (BSAS)<sup>81</sup>. Ia ditubuhkan pada 2009 di Kuala Lumpur. Tujuan BSAS ditubuhkan untuk mengukuhkan infrastruktur pengurusan mudah tunai Islam. Ia suatu dasar dagangan komoditi yang menerima pelbagai mata wang yang mematuhi prinsip Syariah yang pertama di dunia. Manakala pada peringkat global, ia telah diperkukuhkan dengan tertubuhnya Perbadanan Pengurusan Likuiditi Islam Antarabangsa (IILM) pada Oktober 2010<sup>82</sup>. Walau bagaimanapun, kerajaan telah mengurangkan cukai ke atas terbitan

---

<sup>78</sup>Bank Negara Malaysia (2007), *Resolusi Syariah dalam Kewangan Islam*. Kuala Lumpur: BNMB, h. 23-25.

<sup>79</sup>Bank Negara Malaysia (2010), *Resolusi Syariah dalam Kewangan Islam*. Kuala Lumpur: BNMB, h. 9.

<sup>80</sup>Bank Negara Malaysia berhad, [www.bnm.gov.my/guidelines/05\\_shariah/cir\\_012\\_3.pdf](http://www.bnm.gov.my/guidelines/05_shariah/cir_012_3.pdf), 18 September 2012.

<sup>81</sup>Bank Negara Malaysia berhad, [www.bnm.gov/files/publication/fsps/bn/2010/cp02\\_rencana\\_03.pdf](http://www.bnm.gov/files/publication/fsps/bn/2010/cp02_rencana_03.pdf), 10 Oktober 2012.

<sup>82</sup>*Ibid.*

sekuriti Islam yang menggunakan komoditi yang di didagangkan di platform bursa Suq al-Sila' dalam kontrak komoditi murabahah dan tawarruq<sup>83</sup>.

#### 4.4 Konsep Tawarruq

Konsep komoditi murabahah yang dilaksanakan di perbankan lebih menjurus kepada konsep tawarruq<sup>84</sup>. Tawarruq dapat didefinisikan sebagai penjualan sesuatu komoditi secara tangguh, kemudian pembeli menjual balik barang tersebut kepada pihak ketiga secara tunai pada harga yang kurang dari harga yang dibeli. Dengan alasan untuk mendapatkan wang<sup>85</sup>. Konsep ini dinamakan tawarruq kerana pembeli pertama membeli komoditi dengan niat bukan untuk menggunakannya atau mememanfaatkannya, tetapi untuk mendapatkan wang yang diperlukan<sup>86</sup>.

Tawarruq terbahagi kepada dua bentuk: bentuk pertama ialah *tawarruq al-fiqhi*. Ia bermaksud apabila pembeli membeli sesuatu aset dengan harga tangguh. Kemudian, pembeli menjual semula aset tersebut kepada pihak yang ketiga. Pihak ini tidak boleh ada kaitan dengan pihak pertama, iaitu penjual asal barang tersebut. Hukum bagi bentuk ini harus di sisi ulama. Manakala bentuk kedua ialah *tawarruq munaZZam*. Ia telah diaplikasikan oleh pihak perbankan Islam bagi tujuan pembiayaan. Ia mungkin berbeza dengan bentuk pertama kerana pihak ketiga iaitu pembeli terakhir berkemungkinan

---

<sup>83</sup>Utusan Malaysia, Oktober, 18, 2010 "Inisiatif Pasaran Modal Kecairan".

<sup>84</sup>Engku Rabiah Adawiah Engku Ali (2006), "Tawarruq Vis-à-Vis Commodity Murabaha", (Kertas Persidangan 3<sup>rd</sup>:Kuala Lumpur Islamic Finance Forum di PWTC Kuala Lumpur, 27-29 November 2006) h. 1-12.

<sup>85</sup>*Al-Mausu'ah al-Fiqhiyyah*, j.14 (1993), Qatar: Wizarah al-Awqaf wa al-Shu'un al-Islamiyyah, h. 147.

<sup>86</sup>Muhammad Rawwas Qal'ah Ji (2002), *al-Mu'āmalat al-Māliyyah al-Muāsarah fi Da'ui al-Fiqh wa al-shari'ah*. Beirut: Dar al-Nafa'is, h. 85.

menjadi agen kepada penjual barang pertama di dalam urusan kontak ini atau sebaliknya<sup>87</sup>.

Perbincangan hukum tentang *bay' tawarruq* tidak sebanyak perbincangan hukum *bay' al-'inah* yang secara jelas dan terperinci<sup>88</sup>. Istilah *tawarruq* hanya terkenal pada kalangan mazhab Hanbali sahaja<sup>89</sup>. Oleh yang demikian, berdasarkan kepada ulama terdahulu, menurut mazhab Hanafi, hukum *tawarruq* adalah harus selagi ia melibatkan tiga pihak dan penjual asal tidak tahu niat sebenar pembeli untuk menjual balik barang tersebut dan mendapatkan wang tunai<sup>90</sup>. Manakala menurut mazhab Maliki, *tawarruq* harus jika tiada urusan yang membatalkan jual beli<sup>91</sup>. Begitu juga mazhab Syafie yang mengharuskan *bay' al-tawarruq* kerana ia bukan salah satu kontrak yang ditegah oleh syarak<sup>92</sup>.

Mazhab Hanbali pula membahagikan hukum kepada dua. Pertama, berdasarkan pendapat al-Bahuti, *tawarruq* adalah harus<sup>93</sup>. Manakala menurut Ibn Qayyim *tawarruq* adalah makruh<sup>94</sup>.

Manakala menurut ulama kontemporari, dalam persidangan al-fiqh al-Islami yang ke 15, *tawarruq* diharuskan jika tidak terdapat persepakatan awal dalam transaksi.

---

<sup>87</sup>M. Iman Sastra Mihajat (2011), *The Real Tawarruq Concept: The Product of Islamic Bank for Liquidity Risk Management*" (Disertasi, Fakulti Ekonomi, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia), h. 6.

<sup>88</sup>Asmak Ab Rahman et al. (2010), "Bay' al-Tawarruq dan Aplikasinya dalam Pembiayaan Peribadi di Bank Islam Malaysia Berhad", *Jurnal Syariah*, v. 13, No. 2, Mei-Ogos 2010, h. 333-360.

<sup>89</sup>Mansur bin Yunus bin Idris al-Buhuti(1986), *kasyasyaf al-Qina' 'ala Matan al-Iqna'*, j.3. Beirut: Dar al-Fikr, h. 186.

<sup>90</sup>Kamal al-Din Muhammad al-Humam (1995), *Syarh Fath al-Qadir*, j. 6. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, h. 398; Ahmad Sa'id Hawwa (2007), *Suwar al-Tahayyul 'ala al-Riba wa Hukmuha fi al-Syari'ah al-Islamiyyah*. Beirut: Dar Ibn Hazm, h. 140.

<sup>91</sup>Ibn Rushd (t.t), *Muqaddimah*, j. 5. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, h. 399.

<sup>92</sup>Al-Nawawi (t.t), *Rawdah al-Talibin wa 'umda al-Muftin*, j.3. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, h. 417.

<sup>93</sup>Mansur bin Yunus al-Bahuti (t.t), *al-Rawd al-Murbi' Syarh Zad Mustaqna'*. Dar al-Mu'ayyadah: h.318.

<sup>94</sup> Ibn Qayyim (t.t), *'Ilam al-Muwaqqi'in 'an Rabb al-'Alamin*, j.5. Riyad: Dar Ibn Juzay, h. 86.

Namun begitu, ketika persidangan yang ke 17, *tawarruq munazzam* diharamkan. Oleh kerana pihak bank menjadi agen kepada pelanggan yang memerlukan wang<sup>95</sup>. Ia lebih cenderung kepada *bay' al-'inah* dan tidak menepati syarat yang telah ditetapkan oleh syarak<sup>96</sup>.

#### 4.5 Perbandingan *Bay' al-'inah* dan Komoditi Murabahah (Tawarruq).

Terdapat persamaan dalam melaksanakan *bay' al-'inah* dan komoditi murabahah iaitu pelanggan melakukan transaksi ini untuk mendapatkan wang tunai. Manakala perbezaan antara *bay' al-'inah* dan komoditi murabahah adalah seperti berikut:

Jadual 4.1: Perbezaan antara *Bay' al-'inah* dan Komoditi Murabahah

Perkara	<i>Bay' al-'inah</i>	Komoditi Murabahah
Definisi	Menjual barang kepada pembeli secara ansuran dan membeli balik barang tersebut, dengan harga yang rendah secara tunai <sup>97</sup> .	Membeli barang secara ansuran dan menjual semula barang tersebut kepada pihak ketiga secara tunai dengan harga yang lebih rendah <sup>98</sup> .
Hukum	Majoriti mengharamkan transaksi ini kerana ia hilah kepada riba, kecuali mazhab	Pada awalnya majority mengharuskan transaksi ini kerana tiada persepakatan

<sup>95</sup>Bank Institute of Research and Training (1998), *Konsep Syariah dalam Sistem Perbankan Islam*. Kuala Lumpur: BIMB Institute of Research and Training Sdn.Bhd., h. 66.

<sup>96</sup>Shamsiah Mohamad (2006), "Isu-Isu Dalam Penggunaan Bai al-inah dan Tawarruq: Perspektif Hukum" (Kertas Kerja Muzakarah Cendekiawan Syariah Nusantara di Langkawi, 28-29 Jun 2006), h. 13.

<sup>97</sup>Abdul Ghafar Ismail (2010), *Money, Islamic Banks and The Real Economy*. Singapura: Cengage Learning Asia Pte Ltd., h. 148.

<sup>98</sup>*Ibid.*, h. 149.

	Syafie mengharuskannya selagi ia tidak bercanggah dengan syarat yang telah ditetapkan <sup>99</sup> .	awal dalam transaksi. Namun hukum menjadi haram selepas pelaksanaan <i>tawarruq munaZZam</i> <sup>100</sup> .
Pihak yang terlibat	Bilangan orang yang terlibat dalam transaksi ini hanya dua orang <sup>101</sup> .	Bilangan orang yang terlibat dalam transaksi ini lebih daripada dua orang, tiga atau lebih <sup>102</sup> .
Barang jualan	Komoditi jualan kembali kepada penjual asal <sup>103</sup> .	Komoditi jualan kembali kepada pembeli baru iaitu pihak ketiga <sup>104</sup> .

#### 4.6 Kesimpulan

Komoditi murabahah adalah satu mekanisme dalam pembiayaan peribadi yang dikatakan patuh Syariah oleh ramai sarjana semasa, berbanding dengan akad *bay' al-'inah*, kerana akad ini menjalankan operasi murabahah dan wakalah dalam transaksi tersebut. Ia juga sama dengan kaedah jual beli *tawarruq*, kerana ia melibatkan lebih dari dua pihak. Manakala, komoditi yang diperdagangkan tidak kembali kepada penjual asal. Konsep ini menjadi popular dalam pengamalannya di institusi perbankan Islam di seluruh

<sup>99</sup>Bank Negara Malaysia (2007), *Resolusi Syariah dalam Kewangan Islam*. Kuala Lumpur: BNMB, h. 71.

<sup>100</sup>*Ibid.*, h. 66.

<sup>101</sup>Asmak Ab Rahman et al. (2010), *op.cit.*, h. 348.

<sup>102</sup>*Ibid.*

<sup>103</sup>*Ibid.*

<sup>104</sup>*Ibid.*

dunia termasuk Malaysia, kerana konsep ini kurang mendapat pertikaian hukum dari kalangan ulama semasa.